

# Kerajaan rancang labur dalam industri angkasa

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan melabur dalam industri angkasa lepas dengan melancarkan tiga satelit komunikasi, setiap satu berharga RM600 juta, dalam tempoh tiga tahun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga mungkin melancarkan satelit bagi tujuan 'remote sensing' dan perkhidmatan cuaca.

Katanya, sehubungan dengan itu satu dasar dan program angkasa menyeluruh perlu diwujudkan bagi membolehkan bidang itu berkembang kerana permintaan terhadap keperluan dan

perkhidmatannya semakin bertambah.

"Keperluan ini termasuk pengawasan alam sekitar, pencarigalian bahan mentah, pertahanan, pengukuran dan pemetaan, penyelidikan, pendidikan, kerja mencari dan menyelamat serta telekomunikasi," katanya ketika merasmikan Planetarium Negara, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, masa depan untuk memasuki bidang industri angkasa amat cerah dan negara perlu menerokainya jika mahu berjaya.

"Kalau dulu kos meletak objek ke orbit angkasa berharga beberapa ratus ribu ringgit setiap kilogram, kini ada teknologi yang sedang di-

kaji bagi mengurangkan kos itu kepada beberapa ratus ringgit saja setiap kilogram," katanya.

Menurutnya, penubuhan bahagian Kajian Sains Angkasa dengan Planetarium Negara itu adalah usaha yang menyokong langkah memajukan teknologi angkasa bagi manfaat rakyat di negara ini.

Perdana Menteri turut mencadangkan tiga strategi bagi membangunkan industri dan sains angkasa negara, iaitu:

- Syarikat serta institusi membabitkan diri dalam program angkasa luar negara yang terpilih selaras dengan kekuatan saintifik dan industri tempatan;

- Mewujudkan perhubu-

ngan rasmi dengan agensi angkasa di Eropah, Asia dan Amerika dalam program bagi membolehkan penyertaan saintifik negara serta industri dalam projek yang selaras dengan strategi bidang itu; dan

- Mempromosikan perhubungan kerajaan dengan kerajaan yang lebih rapat di kalangan negara serantau yang boleh membawa faedah bersama dalam membangunkan kegiatan saintifik dan komersial yang kekal kepada sains dan industri negara.

Dr Mahathir berkata, peneruan baru di bidang angkasa dapat menyumbang terhadap industri lain, termasuk 'aero-

**LIHAT MUKA 2**

## Kerajaan rancang labur dalam industri angkasa

### DARI MUKA 1

nautics; kejuruteraan aerospace; komunikasi; komputer dan pertahanan.

"Oleh itu kita tidak harus melepaskan peluang untuk menceburi industri angkasa malahan memimpinya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kini berjaya mewujudkan sebuah sistem penerbangan terkenal di dunia dengan fleet kapal terbang negara adalah yang terbesar di rantau ini manakala Sistem Penerbangan Malaysia mempun-

yai reputasi yang baik.

"Lima puluh tahun dahulu siapa menyangka negara kita dapat maju dalam industri ini sehingga ke paras yang dicapai sekarang," katanya.

Menurutnya, dalam sektor swasta, Technology Resour-

ces Industry (TRI) melancarkan satelit komunikasi Rimsat 1 kepunyaan bersama syarikat Amerika, Rimsat Limited.

Perdana Menteri berkata, teknologi dan kegiatan angkasa lepas akan memainkan fungsi lebih

penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi.

Menurutnya, teknologi angkasa akan membekalkan maklumat penting dalam mengeksploitasi hasil bumi tanpa mendedahkan kesan buruk kepada alam sekitar.